



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

Jom sertai kami!

1 JAWATAN

- JAWATAN** : **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**
- Jabatan / Penempatan** : Pelbagai Jabatan/Unit di Majlis Perbandaran Manjung
- Bilangan Kekosongan & Taraf Jawatan** : **15 Kekosongan**
: Kontrak (Contract of Service) Tanpa Waran Jawatan Tetap
- Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
- Klasifikasi Perkhidmatan** : Kemahiran

2 JADUAL GAJI

GRED H1

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

3 SYARAT LANTIKAN

- 3.1 Calon bagi lantikan adalah :-**
- a) Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan kewarganegaraan Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:
 - i. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - iii. SPM atau kelayakan setaraf dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan setaraf. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,561.00); atau
 - iv. SPM atau kelayakan setaraf dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan setaraf. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,622.00); dan
 - v. Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 3.1(d)).
 - d) Syarat lantikan bagi keperluan khas (pemanduan/pengendalian kren/skylift dan peralatan lain yang berkaitan dengan kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan landskap dan pertukangan)
 - i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/C/DA/D/E2/E1/E/F/H yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
 - ii. Bagi tugas pengendalian skylift, calon hendaklah memiliki sijil latihan pengendalian skylift yang dikeluarkan oleh pusat latihan yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
 - iii. Mempunyai kemahiran menggunakan peralatan-peralatan pertukangan, penyelenggaraan dan pembersihan.
- 3.2 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :-**
Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 3.3 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan :-**
Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Khidmat Am adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa (Rujuk Skim Perkhidmatan Pembantu Khidmat Am, Pekeliling Bil.1/2024) serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

4 FUNGSI BIDANG TUGAS

- i. Menjalankan tugas pemanduan kenderaan/jentera mengikut lesen dan peraturan yang berkuat kuasa.
- ii. Membantu melaksanakan kerja-kerja penyediaan dan pengurusan penggunaan dewan bagi mesyuarat, program serta aktiviti yang dianjurkan.
- iii. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan kawasan awam serta kemudahan Majlis.
- iv. Menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput, sapuan jalan dan pengurusan kebersihan mengikut jadual yang ditetapkan.
- v. Membantu dalam pemantauan kebersihan, keselamatan dan keadaan infrastruktur awam.
- vi. Memastikan peralatan, kenderaan dan jentera berada dalam keadaan baik, bersih dan selamat digunakan.
- vii. Membantu urusan kutipan hasil mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan.
- viii. Melaksanakan kerja-kerja am, gotong-royong dan tugas operasi lapangan dari semasa ke semasa.
- ix. Melaksanakan lain-lain tugas operasi dan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

TARIKH TUTUP IKLAN

11 JUN 2026

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mprm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

CATATAN AM

- a** Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.

- b** Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.

Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:

- (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
- (ii) Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini
- (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.